# ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

# BILANGAN 4/2013

==========================================================

## Penggunaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) dalam Permohonan Pembangunan Tanah

---

Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berhubung keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pentadbiran Tanah/Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (MPPTDPBTS) bil. 4/2013 yang diadakan pada 1 April 2013 yang dipengerusikan oleh Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

2. Bagi membolehkan permohonan pembangunan tanah diproses dalam tempoh lebih singkat, mesyuarat bersetuju supaya semua permohonan pembangunan tanah menggunapakai LCP bagi menggantikan Laporan Tanah yang disediakan oleh Penolong Pegawai Tanah dengan syarat-syarat seperti berikut:-

a) Penolong Pegawai Tanah hendaklah menyemak dan mengesahkan Borang Perihal Tanah dalam ***tempoh maksimum 14 hari*** ke atas LCP yang disediakan oleh Jururancang ***kecuali*** mendapat arahan Pentadbir Tanah dari masa ke semasa.

b) Ulasan Jabatan Teknikal yang dikemukakan di PBT semasa permohonan kebenaran merancang akan diguna semula semasa permohonan pembangunan tanah selagi ulasan tersebut masih mempunyai tempoh sah laku seperti yang dinyatakan pada surat ulasan teknikal tersebut.

c) Jururancang perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut semasa mengemukakan permohonan pembangunan tanah di PTD/PTGS:-

i) Tempoh sah laku Carian Rasmi Hakmilik ialah dalam tempoh 6 bulan dari tarikh ianya dikeluarkan

ii) Laporan bergambar perlu memaparkan tarikh tetapan kamera.

iii) Borang Perihal Tanah yang disahkan oleh Penolong Pegawai Tanah seperti di (**Kembaran A**).

iv) Mengemukakan Pelan Susun Atur, Pelan Pra Hitungan, Pelan Kontur yang telah disahkan oleh Pihak Berkuasa Perancang.

d) Carta Alir kaedah penggunaan LCP bagi permohonan pembangunan Tanah adalah seperti di **Kembaran B.**

3. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah adalah diarahkan mematuhi keputusan yang telah ditetapkan.

**(DATO' KAMARULZAMAN BIN JAMIL)**
D.P.M.S, S.I.S, A.I.S, P.P.T
Pengarah Tanah dan Galian Selangor
Negeri Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 01 Oktober 2013

Fail: Bil ( 26 ) dlm. PTGS/CR 02/00/2000

Kembaran A

BORANG PERIHAL TANAH BAGI PROJEK ______________________________

| **PERIHAL HAK MILIK** | | |
|---|---|---|
| i. | No. Hakmilik | |
| ii. | No. Lot / PT(nyatakan seksyen jika ada) | |
| iii. | Mukim/Pekan/Bandar | |
| iv. | Kategori Tanah | |
| v. | Syarat Nyata | |
| vi. | Luas | |
| vii. | Cukai Tahunan | |
| viii. | Tarikh Luput Pajakan (jika berkenaan) | |
| ix. | Sekatan Kepentingan | |
| x. | Tanggungan ke atas tanah hakmilik tersebut | |

| BAHAGIAN A: | | |
|---|---|---|
| **a) Bagi tujuan** | | Tukar Syarat (Sek. 124 (1) (a) & (c) KTN |
| | | Pecah Sempadan & Tukar Syarat (Sek. 124A KTN) |
| | | Serah & Berimilik Semula (Sek. 204B KTN) |
| | | Penyatuan & Cantuman (Sek. 147 KTN) |
| | | Pecah Sempadan (Sek. 137 KTN) |
| | | Pecah Bahagian ( Sek. 142 KTN) |
| | | Serah dan Berimilik (Sek. 197 & 76 KTN) |

| BAHAGIAN B: | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **b) Jenis tanah** | | Tanah Desa | | Tepi Pantai |
| | | Pekan | | Dasar Laut |
| | | Bandar | | Lain-Lain: |
| | No. Warta (sekiranya ada): | | | |

| **c) Kedudukan Tanah** | |
|---|---|
| i. Nama Tempat/Taman/Kampung | |
| ii. Koordinat | |
| iii. Termasuk / Tidak Termasuk di dalam Kawasan: | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| RIZAB MELAYU | | W.K. NO | |
| RIZAB HUTAN SIMPAN | | W.K. NO | |
| RIZAB ORANG ASLI | | W.K. NO | |
| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | | W.K. NO | |

BORANG PERIHAL TANAH BAGI PROJEK ____________________

| LAIN-LAIN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| iv. Berhadapan dengan | | Jalan | | Pantai |
| | | Jalan Keretapi | | Sungai |
| | Lain-lain (sila nyatakan): | | | |
| v. Jarak dari jalan utama yang berhampiran | | | | |
| Nama jalan : | | | | |
| vi. Ada 'laluan masuk' yang sah ke arah tanah yang dipohon. | ☐ Ada | ☐ Tiada | | |
| Ditandakan di atas pelan lampiran ( ) berwarna ____________. | | | | |

**KEADAAN TANAH YANG DIPOHON**

**a) Keadaan semasa tanah**

(boleh ditanda lebih dari satu kotak)

☐ Rata ☐ Berbukit **Kelas I, II, III, IV** (bulatkan yang berkenaan)

☐ Kering ☐ Berpaya ☐ Lembah ☐ Belukar

Lain-lain (sila nyatakan) ____________________

**b) Dilintasi oleh laluan talian penghantaran**

☐ Tiada ☐ Ada **elektrik / telefon / paip air / gas / anak sungai / parit**
(bulatkan yang berkenaan)

Seperti yang ditunjukkan di dalam pelan lampiran ( ) berwarna '____________'

**c) Keadaan Tanah Semasa Di Atas Tapak Yang Dipohon:**

.......................................................................................................................................

.......................................................................................................................................

.......................................................................................................................................

**PERIHAL TANAH SEKELILING**

**a) Maklumat atas tanah bersebelahan merujuk arah :**

| Arah | No. Lot/ PT | Tanah Kerajaan/ Milik (No. Hakmilik) | Syarat Nyata Tanah | Aktiviti Atas Tanah |
|---|---|---|---|---|
| UTARA | | | | |
| SELATAN | | | | |
| TIMUR | | | | |
| BARAT | | | | |
| | *(Sila kembarkan salinan carian persendirian bagi tanah sekeliling)* | | | |

Kembaran A

BORANG PERIHAL TANAH BAGI PROJEK ______________________________

**PERIHAL TANAH SEKELILING**

a) Maklumat atas tanah bersebelahan merujuk arah :

| Arah | No. Lot/ PT | Tanah Kerajaan/ Milik (No. Hakmilik) | Syarat Nyata Tanah | Aktiviti Atas Tanah |
|---|---|---|---|---|
| UTARA | | | | |
| SELATAN | | | | |
| TIMUR | | | | |
| BARAT | | | | |
| | *(Sila kembarkan salinan carian persendirian bagi tanah sekeliling)* | | | |

b) **Nyatakan keadaan tanah-tanah yang bersekitar dengan tanah yang dipohon terutama yang ada kaitan dengan tujuan permohonan:**

______________________________

______________________________

______________________________

c) **Tanah yang dipohon dilengkapi oleh kemudahan asas.** ☐ Ya Tidak

Dilengkapi oleh: ☐ Bekalan air ☐ Bekalan Elektrik ☐ Telekomunikasi

Segala maklumat tanah yang diberi adalah benar dan betul.

.............................................................

**(JURURANCANG)**

Tarikh: ______________

Ulasan Penolong Pegawai Tanah:

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

Disemak dan diperakukan oleh:

.............................................................

**(PENOLONG PEGAWAI TANAH PEJABAT TANAH)**

Tarikh: ______________

# Carta Alir Kaedah Penggunaan LCP bagi Permohonan Pembangunan Tanah




- Nota: Bagi permohonan pembangunan tanah yang kurang dari 2 ekar yang memerlukan perakuan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam(STANCO), tempoh permohonan tertakluk kepada tarikh mesyuarat dijalankan dan akan dikemukakan ke MMKN 14 hari selepas mendapat perakuan.